

Seri Paduka mahu rakyat bersatu perangi wabak


Sokongan, kerjasama semua pihak mampu landai lekuk kes jangkitan

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan, supaya rakyat mengetepikan perbezaan politik, bangsa dan agama bagi memeringi COVID-19 yang berterusan mencatatkan kes positif harian empat angka, sejak hujung tahun lalu.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata Seri Paduka yakin, dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, negara mampu untuk sekali lagi melandaikan lekuk kes jangkitan COVID-19, sekali gus meringankan beban dipikul petugas barisan hadapan.

Menurutnya, baginda menzahirkan kekusaran, melihat peningkatan keperluan rawatan rapi dan penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) khususnya di Lembah Klang, yang mencatatkan kenaikan mendadak kes.

"Berikutan peningkatan keperluan rawatan rapi dan penggunaan katil ICU ini, pesakit jangkitan COVID-19 yang kritikal, terpaksa ditempatkan di hospital kerajaan yang lain dan ini boleh menjejaskan rawatan pesakit bukan COVID-19 yang lain," titah Al-Sultan Abdullah menerusi kenyataan dikeluarkan Istana Negara, semalam.



Gambar fail Al-Sultan Abdullah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah mendengar penerangan Pengarah Kawalan Penyakit Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Norhayati Rusli (dua dari kanan) mengenai situasi semasa COVID-19 ketika Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kebangsaan Kementerian Kesihatan (KKM) di Putrajaya. (Foto BERNAMA)

Kelmarin, negara merekodkan sebanyak 3,306 kes jangkitan COVID-19 baharu, manakala 15 hospital COVID-19 dilaporkan mencatatkan kadar penggunaan katil COVID-19 (bukan ICU) melebihi 70 peratus.

Dalam pada itu, Ahmad Fadil berkata, Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan rasa dukacita terhadap rakyat yang masih tidak peka dalam tindak-tanduk harian mereka, khususnya terhadap pematuhan disiplin amalan kebiasaan baharu dan kawalan sendiri bagi mengekang penularan wabak ini.

"Sehubungan itu, Al-Sultan Abdullah menyeru rakyat menzahirkan solidariti dan sokongan padu kepada petugas barisan ha-

dapan, dengan bersama-sama berganding bahu berdisiplin mematuhi semua perintah ditetapkan kerajaan dan prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Ahmad Fadil berkata, Al-Sultan Abdullah turut mengajak rakyat bersama mendoakan agar petugas barisan hadapan sentiasa dilindungi, segala usaha dilakukan semua pihak dalam memerangi COVID-19 diberkati dan berjaya, serta negara sentiasa dilindungi dan bebas dari wabak ini dengan segera.

Menurut Ahmad Fadil, Seri Paduka amat memahami cabaran besar diharungi wira dan wirawati petugas barisan hadapan ketika ini, dan berharap mereka terus cekal dan tabah dalam me-

merangi gelombang ketiga penularan wabak COVID-19.

"Al-Sultan Abdullah amat menyanjung tinggi pengorbanan dicurahkan petugas barisan hadapan demi keselamatan diri rakyat dalam memikul tanggungjawab membendung wabak COVID-19 dan merawat pesakit wabak yang boleh meragut nyawa ini.

"Justeru, Seri Paduka menzahirkan harapan agar semangat kental dan juang tinggi dipamerkan mereka, sebagai benteng utama negara sejak bermulanya penularan wabak ini awal tahun lalu turut dihargai seluruh rakyat jelata. Sesungguhnya, usaha gigih petugas barisan hadapan sewajarnya dipuji dan terus dihargai," katanya. BERNAMA